

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1993/94

Oktober - November 1993

ATP 301 - PERAKAUNAN PENGURUSAN

Masa : [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Soalan 1

- (a) "Kampung Kita" ialah sebuah restoran eksklusif terletak di Sg. Gelugor, Pulau Pinang. Penyata pendapatan (yang ringkas) Restoran Kampung Kita (RKK) bagi tahun 1992 adalah seperti berikut:

	(RM)
Hasil	2,098,400
Kos barang dijual (semuanya boleh ubah)	1,246,500
	<hr/>
Margin kasar	851,900
Belanja operasi:	
Boleh ubah	222,380
Tetap	170,700
Belanja tadbiran (semuanya tetap)	451,500
	<hr/>
Pendapatan bersih	7,320
	<hr/> <hr/>

Harga purata bagi satu hidangan makan malam ialah RM40, manakala harga purata bagi satu hidangan makan tengah hari ialah RM20. Andaikan yang kos boleh ubah satu hidangan makan malam ialah dua kali kos boleh ubah satu hidangan makan tengah hari. RKK menghidang dua kali lebih banyak hidangan makan malam dari hidangan makan tengah hari (nisbah 2:1). Andaikan yang RKK dibuka 305 hari setahun.

Dikehendaki

- (i) Dengan menggunakan data kos dan hasil bagi tahun 1992, kirakan volum titik pulang modal dalam kuantiti hidangan makan tengah hari dan makan malam bagi RKK.

- (ii) Jika iklan tambahan sebanyak RM15,000 dapat meningkatkan volum purata harian sebanyak tiga hidangan makan malam dan enam hidangan makan tengah hari (kapasiti untuk menampung pertambahan perniagaan masih mencukupi), sediakan satu analisis kepada pihak pengurusan RKK menunjukkan sama ada cadangan pengiklanan itu harus diteruskan atau tidak.
- (iii) RKK hanya menggunakan gred bahan makanan yang tertinggi. Kos bahan makanan ialah 25% daripada jumlah kos boleh ubah RKK. RKK bercadang untuk menggunakan gred bahan makanan yang sederhana tanpa menukar harga jualannya. Berapakah penurunan volum jualan yang RKK masih boleh menanggung untuk memperolehi pendapatan bersih yang sama.

[15 markah]

- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan "kawalan"? Bincangkan dengan ringkas model kawalan yang dikemukakan oleh Emannel, Otley dan Merchant, 1990.

[10 markah]

Soalan 2

- (a) Amaun inventori Syarikat Tronik Komputer ialah RM160,000 pada 31 Mei. Pengurus syarikat tersebut kesal kerana inventori itu terlalu tinggi. Beliau telah menggunakan dasar-dasar berikut tentang barangniaga dan inventori. Pada akhir setiap bulan, inventori harus berjumlah RM10,000 ditambah 90% kos barangniaga untuk dijual bagi bulan yang berikutnya. Kos barangniaga dijual berpurata 60% harga jualan. Syarat belian ialah bersih, 30 hari (n 30). Belian sesuatu bulan dibayar seperti berikut: 20% dalam bulan yang sama dan 80% dalam bulan yang berikutnya.

Belian bulan Mei ialah RM140,000. Jualan dijangka sebanyak RM250,000 bagi Jun; RM220,000 bagi Julai; RM280,000 bagi Ogos; dan RM310,000 bagi September.

Dikehendaki

- (i) Kirakan amaun lebih inventori, pada 31 Mei, daripada dasar yang ditetapkan oleh pengurus syarikat.
- (ii) Sediakan belanjawan belian dan bayaran belian bagi bulan Jun, Julai dan Ogos.

[15 markah]

- (b) Kedua-dua pengukur prestasi, Pulangan Atas Pelaburan dan Pendapatan Lebihan, menggunakan pendapatan dan modal yang dilaburkan. Oleh yang demikian, tidaklah penting yang mana satu kita gunakan. Adakah anda setuju? Huraikan.

[10 markah]

...3/

Soalan 3

- (a) Data Syarikat Minden, yang menggunakan sistem kos piawai, bagi bulan April adalah seperti berikut:

Kos buruh langsung sebenar	RM 43,400
Jam buruh langsung digunakan	14,000
Jam buruh piawai	15,000
Varians kadar buruh langsung (N)	RM 1,400
Jumlah overhed sebenar	RM 32,000
Belanjawan overhed tetap	RM 9,000
Aktiviti biasa (jam buruh)	12,000
Jumlah kadar biasa overhed sejam buruh langsung	RM 2.25

Syarikat Minden melakukan 2 analisis varians bagi kos overhed. Sistem pesanan kerja digunakan untuk mengumpul kos.

Dikehendaki

Bagi bulan April, kirakan

- (i) Varians kecekapan buruh langsung
- (ii) Varians belanjawan overhed
- (iii) Varians volum overhed

[15 markah]

- (b) Huraikan maksud harga pindahan dan isu utama mengenainya? Bincangkan dengan ringkas pendekatan perletakan harga pindahan.

[10 markah]

Soalan 4

- (a) Syarikat Quality Paint menggunakan sistem pengekosan proses. Bahan dimasukkan pada permulaan proses, dan kos menukar berlaku secara serata. Kerja berjalan mula diandaikan 50% siap; akhir 40% siap. Satu gelen bahan akan menjadi 1 gelen produk. Data berikut diberikan:

Inventori awal	450 gelen
Bahan langsung ditambah	6,050 gelen
Inventori akhir	200 gelen
Kos menukar berlaku	RM 18,465
Kos bahan langsung ditambah	RM 52,030
Kos menukar, inventori awal	RM 1,951
Kos bahan langsung, inventori awal	RM 2,570

...4/-

Dikehendaki

Dengan menggunakan kaedah MDKD, sediakan satu laporan kos pengeluaran Syarikat Quality Paint bagi bulan April.

[15 markah]

- (b) Terangkan latar belakang kebangkitan sistem pengkosan yang berasaskan aktiviti. Dalam keadaan bagaimanakah sistem ini harus digunakan dan akan memberi kesan yang signifikan?

[10 markah]

Soalan 5

- (a) Kos seunit bagi sejenis barangan Syarikat CQC pada paras aktiviti 10,000 unit sebulan ialah:

Kos pengilangan	
Bahan langsung	RM 3.50
Buruh langsung	1.00
Overhed boleh ubah	.80
Overhed tetap	.90
Belanja jualan	
Boleh ubah	3.00
Tetap	1.10

Dikehendaki

Abaikan cukai pendapatan bagi semua soalan. Setiap soalan tiada perkaitan dengan soalan yang lain.

- (i) Kirakan pendapatan operasi tahunan pada harga jualan RM12 seunit.
- (ii) Kirakan pendapatan operasi tahunan yang dijangka jika volum dapat ditingkat sebanyak 20% bila harga jualan dikurangkan ke RM11. Andaikan corak perlakuan (gelagat) kos yang tersirat adalah benar.
- (iii) Syarikat CQC mahu mendapatkan pesanan 5,000 unit daripada pelanggan di negara luar. Belanja jualan boleh ubah akan berkurangan 40%, tetapi kos tetap untuk mendapatkan pesanan itu ialah RM5,500. Jualan dalam negeri tidak akan terjejas. Kirakan harga pulang modal seunit yang harus dipertimbangkan.
- (iv) Syarikat mempunyai 2,000 unit barangan lebih daripada model tahun lalu di dalam inventornya. Unit-unit ini perlu dijual melalui saluran pemasaran yang biasa pada harga potongan. Inventori ini tidak akan bernilai kecuali ia dijual sedemikian. Tentulah kos seunit yang relevan untuk meletak harga minimum bagi jualan 2,000 unit ini?

[15 markah]

- (b) Bezakan pengkosan serapan dan pengkosan variable. Bincangkan kelebihan, kekurangan dan kesan penggunaan setiap kaedah pengkosan itu.

[10 markah]